

MATA PELAJARAN : AMALAN BAHASA MELAYU TINGKATAN PERALIHAN

TEMA : REZEKI KITA

TAJUK : KEPENTINGAN PENGAWETAN MAKANAN

ARAHAN : Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai dalam petikan di bawah.

rosak	bertahan lama	bekalan makanan	kecemasan
disimpan	kesegaran makanan	negara lain	penghantaran
	bermusim	sepanjang tahun	

KEPENTINGAN PENGAWETAN MAKANAN

Pengawetan makanan penting untuk mengelakkan makanan menjadi _____. Makanan yang telah diawet dapat _____. Pengetinan makanan dapat mengatasi masalah _____ semasa _____. Contohnya, semasa musim banjir. Proses pengetinan dan pembotolan makanan juga membolehkan makanan _____ dalam tempoh yang lebih lama. Penyejukbekuan makanan pula dapat mengekalkan _____. Pengawetan secara penjerukan dapat menjadikan buah-buahan tahan lebih lama.

Teknologi pengawetan makanan membolehkan sesetengah makanan yang dihasilkan oleh sesebuah negara boleh dinikmati oleh penduduk di _____. Teknologi pengawetan makanan juga memudahkan makanan disimpan dan memudahkan _____ ke tempat lain. Selain itu, buah-buahan _____ dapat dinikmati oleh rakyat tempatan _____.